



Hak pendidikan wanita tak berbangkit dalam Islam, kata exco Terengganu



Diyana Ibrahim

Dikemas kini 18 jam yang lalu · Diterbitkan pada 24 Mar 2022 9:16PM · 0 Komen



THE MALAYSIAN INSIGHT
Irwan Majid

Exco pendidikan Terengganu Satiful Bahri Mamat berkata mengikut Islam, tidak berbangkit sama sekali isu gender dalam hal menuntut ilmu, dan pemberian insentif pendidikan perlu diberi mengikut merit, bukannya jantina. – Gambar fail The Malaysian Insight, 24 Mac, 2022.

SKIM khas untuk menggalakkan wanita menyertai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Stem) tidak perlukan kerana ia perlu diagihkan secara saksama, kata exco Terengganu Satiful Bahri Mamat

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan Dan Pengajian Tinggi itu berkata, perjuangan hak wanita dalam pendidikan seperti itu juga lebih kepada fahaman Barat.